

**TEKS UCAPAN
YBHG. DATUK SERI DR. ABDUL FATTAH
ABDULLAH
PRESIDEN ANGKASA**

**AMANAT SEMPENA PROGRAM
PEMUKIMAN ANGKASA NEGERI**

20 JUN 2024 (KHAMIS)

**2.15 PETANG
GRAND DORSETT HOTEL**

Bismillahirrahmanirrahim,

Assalamualaikum warahmatullahi
wabarakatuh

Salam Malaysia Madani dan Salam Koperasi

Hadirin Hadirat yang dihormati

1. Alhamdulillah, segala puji bagi Allah SWT, dengan limpah kurnia dan izin-Nya, kita dapat berkumpul pada hari ini dalam Program Pemukiman

ANGKASA Negeri. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua yang hadir dalam program yang penting ini.

- 2.** Program ini adalah manifestasi daripada usaha kita semua untuk

memastikan ANGKASA terus relevan, cekap, dan berdaya saing dalam era yang serba mencabar ini. Dengan tema 'Transformasi dan Tadbir Urus Terbaik', program ini bertujuan untuk memberikan penerangan yang jelas mengenai Proses Transformasi ANGKASA serta menjelaskan peranan

anggota Jawatankuasa ANGKASA Negeri (JKAN) pasca transformasi.

Hadirin Hadirat yang dihormati

3. Seperti yang kita maklum, pelaksanaan Transformasi ANGKASA ini bukanlah satu tugas yang mudah. Ia memerlukan komitmen yang tinggi,

kerjasama yang erat, dan kesungguhan yang tidak berbelah bahagi dari setiap kepimpinan ANGKASA di peringkat Pusat dan juga negeri serta kakitangannya.

4. Untuk makluman semua, Bengkel Transformasi Penstrukturran ANGKASA Negeri yang pertama telah diadakan

pada 17 hingga 19 Oktober 2023 di Hotel Mardhiyyah, Shah Alam. Ianya merupakan langkah pertama yang signifikan dalam usaha kita untuk merombak dan memperkemaskan struktur pentadbiran ANGKASA di setiap peringkat.

5. Bengkel Transformasi Penstrukturan ANGKASA Negeri yang kedua pula telah diadakan pada 15 hingga 17 Disember 2023 bersempena dengan Retreat Perniagaan ANGKASA di Heritage Hotel, Cameron Highland. Seperti bengkel pertama, sesi ini juga dipenuhi dengan pembentangan dan perbincangan yang produktif. Para

peserta diberikan maklumat terkini mengenai kemajuan transformasi dan diberikan peluang untuk menilai serta mengemukakan cadangan penambahbaikan.

6. Seterusnya, Sesi Libat Urus Taklimat Transformasi dan Penstrukturran ANGKASA Negeri yang ketiga telah

diadakan mengikut negeri bermula pada 25 November 2023 hingga 28 Disember 2023, yang melibatkan pembentangan Pelan Transformasi ANGKASA oleh Pengerusi ANGKASA Negeri, jawatankuasa, dan Pengurus Kanan dan juga Pengurus Negeri.

Hadirin Hadirat yang dihormati

7. Alhamdulillah, kita telah berjaya melaksanakan Mesyuarat Agung Negeri (MAN) di 16 lokasi di seluruh negara telah membolehkan kita mendapatkan input langsung daripada ahli-ahli koperasi di peringkat akar umbi. Mesyuarat ini juga telah memberikan ruang untuk membincangkan prestasi koperasi,

cabaran yang dihadapi, dan peluang baharu yang boleh diterokai untuk koperasi di setiap negeri.

8. Mesyuarat agung yang dijalankan secara hybrid, iaitu secara kehadiran fizikal dan dalam talian, telah menjadi satu kebiasaan dan. Langkah ini sejajar dengan transformasi digital yang

sedang giat dijalankan oleh ANGKASA. Dengan memanfaatkan teknologi dalam pengurusan koperasi, kita dapat meningkatkan kecekapan dan keberkesanan operasi, serta memastikan maklumat dan keputusan dapat disebarluaskan dengan lebih cepat dan tepat.

9. Selaras dengan Pelan Transformasi ANGKASA, ANGKASA di setiap negeri giat menjalankan projek perniagaan bagi membantu koperasi di negeri masing-masing menjadi lebih berdaya saing dalam pasaran terbuka. Setiap negeri telah diberi tanggungjawab untuk mengemudi projek yang sesuai dengan keperluan dan potensi

tempatan.

10. Sebagai contoh, di negeri-negeri tertentu, koperasi telah diberi mandat untuk mengembangkan sektor pertanian seperti ternakan ayam, penanaman rock melon dan lain – lain. Projek ini bukan sahaja berpotensi untuk meningkatkan pendapatan

koperasi, malah membolehkan koperasi memainkan peranan dalam isu keterjaminan makanan.

Hadirin Hadirat yang dihormati

11. Suka juga saya ingatkan bahawa MAN 2024 telah membawa kepada beberapa perubahan perjawatan anggota JKAN bagi jawatan Pengerusi

dan anggota JKAN. Sehubungan dengan itu, Mesyuarat Pengurusan Tertinggi (MPT) Bil. 9/2024 (Pengurusan dan Pembangunan) telah bersetuju mencadangkan untuk diadakan Taklimat Transformasi dan Penstrukturran ANGKASA kepada Jawatankuasa ANGKASA Negeri bagi menerangkan perkembangan terkini

Transformasi ANGKASA serta memberi panduan kepada anggota JKAN yang baharu dilantik selepas daripada MAN 2024 yang lalu.

- 12.** Justifikasi program ini adalah untuk memberi penerangan berkaitan Proses Transformasi ANGKASA dan memberi penjelasan peranan JKAN pasca

Transformasi. Program ini akan menjelaskan secara terperinci peranan dan tanggungjawab yang perlu dipikul oleh anggota JKAN bagi memastikan mereka dapat melaksanakan tugas dengan efektif.

13. Asas kepada transformasi ini adalah untuk kita selarikan matlamat dan

peranan ANGKASA supaya selari dengan agenda yang telah dibawa oleh pihak Kerajaan iaitu Aspirasi Koperasi Malaysia 2022 (ASKOM), Pelan Transformasi Koperasi Malaysia (TransKOM), Pelan Tindakan Digitalisasi Koperasi 2030 (DigiKOP) dan Dasar Koperasi Malaysia 2030 (DAKOM).

14. ANGKASA membuat penyusunan semula dasar dan pelan tindakan ini untuk diintegrasikan khususnya kepada Pelan Strategik ANGKASA 2050 (PESAN50) yang pada masa ini berada dalam fasa jangkamasa sederhana 2021 – 2030 dan akan diteruskan untuk fasa seterusnya iaitu 2031-2050.

15. Justeru bagi memantapkan lagi operasi, pengstrukturan pentadbiran telah dipecahkan kepada enam **(6)** **Jawatankuasa Kumpulan** tumpuan utama yang masing mempunyai peranan khusus. Langkah ini diambil bagi memastikan setiap aspek operasi dapat diberi perhatian yang lebih

terperinci dan dikelola dengan lebih efisien.

16. Setiap Kumpulan diterajui oleh seorang Pengerusi yang terdiri daripada Anggota Lembaga ANGKASA. **Jawatankuasa Kumpulan tersebut adalah Kumpulan Tadbir Urus dan Pentadbiran, Kumpulan**

Perhubungan Strategik, Kumpulan Pembangunan Koperasi, Kumpulan Perniagaan Koperasi dan Kumpulan Kewangan Korporat

17. Justeru penjelasan mengenai peranan JKAN pada hari ini adalah penting untuk kita pastikan bahawa pemahaman mengenai program

transformasi ANGKASA disampaikan dengan jelas dan tepat. JKAN memainkan peranan yang kritikal dalam melaksanakan inisiatif transformasi di peringkat negeri dan memastikan setiap program dan strategi yang dirancang oleh ANGKASA pusat dapat dilaksanakan dengan efektif.

Hadirin Hadirat yang dihormati

18. Insyallah, Kongres Koperasi Kebangsaan 2024 akan diadakan pada 25 hingga 26 Julai ini dan dirasmikan sendiri oleh Perdana Menteri, YAB Dato' Sri Anwar Bin Ibrahim.

19. Beberapa isu telah kita bincangkan dalam MAN yang lepas dan akan dibawa Kongres ini, kita ingin meneliti semula kerelevanan dan kesesuaian akta serta peraturan koperasi yang digunakan supaya selari dengan perubahan persekitaran yang dinamik. Langkah ini penting untuk memastikan rangka kerja perundangan kita terus

relevan dan dapat menyokong pertumbuhan serta keberkesanan gerakan koperasi.

20. Selain itu, kita akan meneliti dasar kewangan dan fiskal kerajaan yang pada masa ini tidak memberikan kelebihan yang cukup kepada gerakan koperasi untuk berdaya saing

dan berkembang dalam perniagaan. Ini termasuk soal bajet yang dilihat tidak sepadan dengan jumlah koperasi dan ahli koperasi yang semakin meningkat setiap tahun.

21. Pandangan dan cadangan dari akar umbi koperasi amat penting untuk dibawa ke perhatian kerajaan demi

meningkatkan daya saing koperasi dalam landskap ekonomi masa kini dan masa hadapan.

Hadirin Hadirat yang dihormati

- 22.**Saya menyeru untuk kita bersama-sama berusaha untuk memastikan bahawa ANGKASA terus maju dan

berkembang, serta mampu memberikan sumbangan yang besar kepada pembangunan berterusan gerakan koperasi. Saya yakin dengan kerjasama dan komitmen daripada pihak JKAN, pertumbuhan koperasi di peringkat negeri dapat diperkuat serta lebih berdaya saing di pasaran terbuka.

23. Marilah juga kita sama mendoakan agar Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA (MAPA) ke - 38 pada 22 Jun 2024 ini dapat dijalankan dengan penuh lancar. Kepada para calon yang akan bertanding, kami mendoakan kejayaan anda yang telah banyak menabur jasa dan bakti kepada kemajuan ANGKASA.

Sekian, terima kasih.

Wabillahitaufik
Assalamualaikum
wabarakatuh.

walhidayah,
warahmatullahi